

# Koperasi kariah masjid jadi hab halalan toyyiban

Mingguan Malaysia (ms.21) 08/01/2017

**KUALA LUMPUR** 7 Jan. - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) akan meneliti dan meninjau peluang pasaran bagi menjadikan koperasi kariah masjid sebagai hab perniagaan halalan toyyiban keluaran orang Islam.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, perkara itu bukan sahaja dapat merangsang ekonomi negara malah membantu meningkatkan taraf sosial ekonomi masyarakat Melayu dan Islam setempat.

Katanya, setakat ini, 409 buah koperasi kariah masjid didaftarkan dan 483 buah masih dalam penubuhan.

"Jika kita lihat, kini kebanyakannya produk halal toyyiban dikuasai oleh orang bukan Islam dan

ini merupakan satu kerugian besar kepada kita.

"Kita cadangkan setiap koperasi kariah masjid yang berdaftar, mengeluarkan satu produk halal dan kita akan bimbang serta bantu perniagaan mereka untuk berkembang," katanya selepas perasmian Mesyuarat Agung Permulaan Penubuhan Koperasi Masjid As-Sobirin Ampang Bhd. (Komas), di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Penaja Komas, Datuk Adzmy Abdullah.

Dalam pada itu, Abdul Fattah



**ABDUL FATTAH  
ABDULLAH**

berkata, pihaknya akan mengusulkan kepada Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) untuk sama-sama mencari jalan serta bekerjasama dalam memperkuatkan institusi koperasi.

"Banyak negara lain yang belum memperkenalkan institusi koperasi terutamanya negara Islam sedangkan koperasi merupakan salah satu

penjana ekonomi yang berkesan dan mengikut syariah.

"Kita ingin Malaysia menjadi peneraju institusi koperasi bagi negara-negara OIC lain supaya ekonomi negara Islam sedunia dapat diperkuatkan," katanya.